DURIO COUGH RELIEF SYRUP 20MG/ML

Guaifenesin (100 mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml
2. Bagaimana Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml berfungsi
3. Sebelum menggunakan Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml
4. Cara menggunakan Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml
5. Semasa menggunakan Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml

Sebagai ekspektoran untuk melegakan simptom batuk akibat selsema.

Bagaimana Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml berfungsi

Guaifenesin adalah bahan yang membantu mencairkan dan menipiskan lender. Ia berfungsi dengan merangsang pengeluaran lendir saluran pernafasan dan mengurangkan kepekatan lendir, memudahkan pengeluaran lendir dari dada dengan batuk, dan menjadikan pernafasan lebih mudah.

Sebelum menggunakan Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Mengandung dan menyusukan anak

Tidak ada data yang mencukupi mengenai penggunaan Guaifenesin semasa mengandung dan menyusu.

Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml boleh digunakan jika manfaat melebihi risiko.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml.

- *Sebelum mula menggunakan Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml*

Beritahu doktor jika anda mempunyai masalah hipersensitiviti pada Guaifenesin dan bahan lain yang disenaraikan dalam risalah.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml

Dewasa : 10ml-20ml or 2-4 sudu teh
6-12 tahun : 5ml-10ml or 1-2 sudu teh
2-6 tahun : 2.5ml-5ml or ½-1 sudu teh
Ulangi sukatan setiap 4 jam atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.
Jangan berikan kepada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun tanpa pengawasan doktor.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika mengambil berlebihan, loya dan muntah boleh berlaku.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Boleh menyebabkan rasa mengantuk dalam sesetengah keadaan. Elakkan diri daripada aktiviti yang memerlukan tumpuan seperti memandu kenderaan atau mengendalikan mesin.

Jika anda akan menjalani ujian sindrom karsinoid, beritahu doktor anda bahawa anda sedang mengambil ubat ini. Ia mungkin mengganggu keputusan ujian tersebut

Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml selalunya ketidakselesaan gastrousus, loya, muntah, pening, cirit-birit, sakit kepala dan ruam (termasuk urtikaria).

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (*Consumer → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI).*

DURIO COUGH RELIEF SYRUP 20MG/ML

Guaifenesin (100 mg/5ml)

Cara penyimpanan dan pelupusan
Durio Cough Relief Syrup 20mg/ml

- *Penyimpanan*

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

- *Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Larutan berwarna coklat pekat, kurang likat dengan rasa manis dan pudina segar.

- *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif

Guaifenesin

- Bahan-bahan tidak aktif

Sucrose, Glycerin, Menthol, Purified Water, Peppermint Water, Liquid Caramel, Polysorbate 80, Citric Acid, Xanthan Gum & Sodium Benzoate.

- *Nombor MAL*

MALXXXXXXC

Pemegang Pendaftaran Produk

Durio PPE Sdn. Bhd.
No.16, Jalan Temenggong,
Kawasan Perindustrian Temenggong,
81100 Johor Bahru,
Johor, Malaysia.

Pengilang

Syarikat Wen Ken Drug Sdn Bhd
24, Jalan Lambak,
Taman Johor,
81200 Johor Bahru,
Johor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/04/2024

Nombor siri:

NPRA(R2)24/053